

Media : RTM

Date : 30 September 2025



Utama Nasional Laporan Khas Ekonomi Jenayah Dunia Sukan Hiburan Pilihan



Ajinomoto (Malaysia) Berhad raikan perpaduan menerusi Festival Budaya Malaysia & Festival Permainan Malaysia 2025

Nasional - Dicipta: 01 Oktober 2025 03:00 PM



KUALA LUMPUR, 30 September- Ajinomoto (Malaysia) Berhad dengan bangganya meraikan kekayaan budaya dan warisan kulineri Malaysia melalui dua acara kebangsaan utama iaitu Festival Budaya Malaysia (FBM) 2025 pada 12 hingga 16 September di Taman Tasik Titiwangsa dan Festival Permainan Malaysia (FPM) 2025 pada 27 hingga 29 September di Dataran Putrajaya.

Kedua-dua festival tersebut menarik ratusan ribu pengunjung, sekali gus memberikan Ajinomoto (Malaysia) Berhad pentas yang sempurna untuk mempamerkan penyelesaian makanan inovatif sambil memupuk kebersamaan melalui budaya, masakan dan kesejahteraan.

Pada FBM 2025, Ajinomoto (Malaysia) Berhad mencuri tumpuan dengan Kenduri Kari Malaysia 68 yang dinanti-nantikan, ia sebuah jamuan kari pemecah rekod yang menjadi nadi perayaan tersebut. Menampilkan Stok Ayam TUMIX® sebagai ramuan utama, kenduri ini menyerlahkan rasa asli dan kemudahannya untuk penyediaan masakan berskala besar.



(Kenduri Kari Malaysia 68, jamuan kari terbesar yang mencatat rekod, sekali gus menjadi nadi festival/Foto AMB)

Pengunjung turut menikmati persampelan lazat TUMIX®, SERI-AJI® dan minuman menyegarkan iaitu Serbuk Perasa Limau Nipis "AJINOMOTO", dalam masa sama, pengunjung berpeluang membawa pulang Set Bundle Merdeka yang popular serta pinggan Seribu Rasa Satu Cinta edisi terhad.

Kenduri ini mencipta sejarah dengan menyatukan rakyat Malaysia melalui jamuan sepanjang 68 kaki yang menyajikan 21 hidangan kari percuma kepada lebih 2,000 tetamu.

Dimasak dalam 15 periuk bufet di bawah tujuh khemah oleh tujuh hotel dan katering terkemuka, acara ini meraikan kari sebagai hidangan yang melangkaui perbezaan dan mendekatkan rakyat Malaysia.

Beberapa minggu kemudian di FPM 2025, Ajinomoto (Malaysia) Berhad meneruskan pengalaman budaya dan masakannya dengan empat zon aktiviti yang menarik.

Gerai aminoVITAL® memikat pengunjung dengan pensampelan dan promosi produk, manakala Cabaran Wall Climbing aminoVITAL® menggalakkan kecergasan dan daya tahan untuk semua peringkat umur.

Gerai Seribu Rasa Satu Cinta pula menggembirakan keluarga dengan sampel SERI-AJI®, AJI-SHIO® dan minuman Limeade, selain aktiviti menyeronokkan seperti Spin & Win dan Kira & Menang.



(Pengarah Urusan AMB, Daisaku Wadami menerima cendera mata penghargaan di Festival Permainan Malaysia (FPM)/Foto AMB)

Sementara itu, Trak Bergerak Smart Salt menjadi tumpuan dengan permainan interaktif dan cara menarik untuk mempelajari penyelesaian memasak yang lebih sihat.

Sorotan utama ialah propelanjaran Serbuk Perasa Limau Nipis "AJINOMOTO", yang memberi pengunjung peluang merasai buat pertama kali kualiti produk yang unik ini.

Debut ini mengukuhkan komitmen Ajinomoto (Malaysia) Berhad terhadap inovasi dan penyelesaian perasa yang praktikal untuk isi rumah serta penyedia perkhidmatan makanan.



(Ketua Bahagian Pemasaran Pengguna AMB, Ng Yee Boon menerima cenderamata penghargaan/Foto AMB)

Dengan kerjasama Majalah Rasa, kenduri ini bukan sahaja menonjolkan kepelbagaian TUMIX® tetapi juga mencipta momen kebersamaan yang tidak dapat dilupakan untuk keluarga dan masyarakat.

Semangat perayaan disemarakkan dengan aktiviti belon udara panas, persembahan artis terkenal di negara ini dan pameran kebudayaan antarabangsa.

Kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan pemimpin terhormat lain turut mengangkat majlis itu dan mengukuhkannya sebagai satu kejayaan yang membanggakan sempena kempen melawat Malaysia 2026.

Dirasmikan oleh Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Datuk Seri Tiong King Sing, festival ini turut menampilkan permainan tradisional, cabaran berhalangan, pameran kebudayaan dan pesta makanan, yang menarik penyertaan keluarga, belia serta pengunjung antarabangsa.

Melalui FBM dan FPM, Ajinomoto (Malaysia) Berhad bukan sahaja meningkatkan keterlihatan jenama, tetapi juga mengukuhkan produk dan memperdalam penglibatan pengguna.

Daripada Kenduri Kari yang memecahkan rekod kepada cabaran memanjat dinding yang bertenaga serta Trak Smart Salt yang inovatif, syarikat ini berjaya berhubung dengan para pengunjung dengan menggabungkan tradisi dan penyelesaian makanan moden.

Bagi Ajinomoto (Malaysia) Berhad, festival ini bukan sekadar platform promosi, tetapi peluang untuk melaksanakan tujuan "Eat Well, Live Well".

Dengan meraikan kepelbagaian budaya Malaysia sambil mempromosikan pilihan makanan yang lebih sihat dan berperisa, syarikat ini terus memberi inspirasi kepada masyarakat dan membentuk masa depan yang lebih cerah untuk makanan dan kesejahteraan di Malaysia.

Artikel ini dibawakan oleh Ajinomoto (Malaysia) Berhad.